




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 12 FEBRUARI 2024



**Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat**

TAJUK BERITA



1. SELARAS HARGA BERAS - UTUSAN MALAYSIA

2. TAMBAH BAIK DASAR KETERJAMINAN MAKANAN TANGANI KRISIS BEKALAN - BERITA HARIAN

ISIN 12 FEBRUARI 2024 2 SYAABAN 1445 BIL 37 TAHUN KE-57 PP19527/09/2019 (035121) UTUSAN ONLINE WWW.UTUSAN.COM.MY RM2

Enakmen Syariah Kelantan tidak digubal secara tergesa-gesa »4 **Israel bedil zon selamat, tempat perlindungan terakhir penduduk di Rafah »33**

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

TRIUMPH TIGER 900GT ARAGON EDITION
Khas buat penunggang motosikal kembara tegar »20 & 21

Selaras harga beras

Oleh **ASLINDA NASIR dan FITRI NIZAM**
utusannews@mediamula.com.my

SUBANG JAYA: Harga beras tempatan dan import perlu diselaraskan bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri berkaitan makanan asas negara itu.

Ia adalah antara langkah yang terkandung dalam kertas cadangan oleh Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Cadangan itu bakal menyaksikan beras tempatan yang kini

- Langkah tangani isu penipuan dalam industri beras negara
- Atasi manipulasi harga beras import

Namun, kenaikan itu secara tidak langsung dapat menangani masalah manipulasi dan penipuan harga beras import oleh pihak-pihak tertentu terutama kartel.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kertas cadangan berhubung langkah itu sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk dipertimbangkan.

Menurutnya, Perdana Menteri meminta beliau melalui NACCOL untuk mencadangkan

langkah bagi menangani isu beras di negara ini.

"Beliau (Perdana Menteri) minta saya sediakan kertas cadangan baru-baru ini dan saya telah siapkan cadangan berkaitan harga siling beras yang boleh membantu meringankan beban rakyat.

"Dipercayai wujud 'permainan' yang dikawal oleh pemborong dan peniaga besar dalam isu beras ini. Malah mereka sebenarnya mengaut keuntungan secara berlebihan.

Bersambung di muka 2

MENARIK DALAM RINGGIT

Paramount optimis sektor hartanah »17

Sebanyak 12 projek dijangka dilancarkan sekitar di Lembah Klang dan utara tanah air.

Transformasi myTukar sebagai peneraju pasaran »23

Perkongsian visi untuk merevolusi pasaran kereta terpakai yang semakin kompetitif di dalam negara.

Status halal tarik pembeli dari Indonesia, Brunei »22

Al-Quran versi rumi boleh pesongkan akidah

Oleh **AMREE AHMAD**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Al-Quran versi tulisan rumi yang dijual di pasaran secara dalam talian boleh memesongkan akidah umat Islam, selain ada yang tiada peranan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan KDN, Nik Yusaimi Yusoff meminta umat Islam negara ini berwaspada dan elak membelinya.

"Memang terkeliru memilih al-Quran versi Roman ini yang tiada pun teks bahasa Arab namun dibimbangi boleh mengakibatkan isu kesalah sebutan atau bacaan.

Tunai tanggungjawab

RIBUAN rakyat Indonesia hadir bagi melaksanakan undi awal sempena Pilihan Raya Umum (Pemilu) dan Pilihan Raya Presiden (Pilpres) 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam.

- UTUSAN/FARIZ RUSADIO (Berita di muka 5)

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

ke

Selaras harga beras

Oleh **ASLINDA NASIR dan FITRI NIZAM**
utusannews@mediamula.com.my

SUBANG JAYA: Harga beras tempatan dan import perlu diselaraskan bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri berkaitan makanan asas negara itu.

Ia adalah antara langkah yang terkandung dalam kertas cadangan oleh Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Cadangan itu bakal menyaksikan beras tempatan yang kini

- Langkah tangani isu penipuan dalam industri beras negara
- Atasi manipulasi harga beras import

Namun, kenaikan itu secara tidak langsung dapat menangani masalah manipulasi dan penipuan harga beras import oleh pihak-pihak tertentu terutama kartel.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kertas cadangan berhubung langkah itu sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk dipertimbangkan.

Menurutnya, Perdana Menteri meminta beliau melalui NACCOL untuk mencadangkan

langkah bagi menangani isu beras di negara ini.

"Beliau (Perdana Menteri) minta saya sediakan kertas cadangan baru-baru ini dan saya telah siapkan cadangan berkaitan harga siling beras yang boleh membantu meringankan beban rakyat.

"Dipercayai wujud 'permainan' yang dikawal oleh pemborong dan peniaga besar dalam isu beras ini. Malah mereka sebenarnya mengaut keuntungan secara berlebihan.

Bersambung di muka 2

Utusan Malaysia
ISNIN • 12 FEBRUARI 2024

2

Selaras harga beras

Dari muka 1

“Bila berlaku kenaikan harga beras import, kenaikannya sangat tinggi, ia disebabkan India memberhentikan eksport beras. Di Malaysia, beras tempatan dengan beras import adalah dua perkara yang berbeza. Beras tempatan dikawal, beras import tidak dikawal.

“Tetapi bila harga beras import naik mencanak dan tidak dikawal, maknanya pengimport, pemborong, peruncit boleh jual sesuka hati sehingga ada yang menjualnya pada kadar mencecah RM45 hingga RM50,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Bukit Gantang itu berkata, keadaan itu menyebabkan ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan mencampurkan beras tempatan ke dalam kimpit beras import supaya dapat menjualnya pada harga lebih tinggi.

Jelasnya, keadaan itu menimbulkan persoalan bagaimana beras tempatan boleh ‘habis’ di pasaran sedangkan pengeluarannya dibuat secara bulanan dan peratusan tahap sara diri (SSL) sekitar 60 hingga 65 peratus berbanding beras import.

“Kerajaan sebenarnya boleh mengawal isu ini kerana kerajaan mempunyai kuasa, ada undang-undang dan ada wang. Pada bila-bila masa boleh ubah undang-undang, boleh beli sebanyak mungkin beras dan stabilkan kembali harganya.

“Ia adalah hak kerajaan untuk merasionalisasikan kembali harga beras kalau mahu. Jadi, saya sasarkan perkara ini boleh diselesaikan dalam masa tiga bulan daripada sekarang,” ujarnya.

Selain beras, jelasnya, terdapat lima barangan lain yang

disifatkan kritikal akan menjadi fokusnya selepas dilantik sebagai Pengerusi Naccol oleh Perdana Menteri iaitu harga ayam, telur, ikan, minyak masak dan daging import.

Katanya, beliau yakin beban rakyat dapat dikurangkan dengan menggunakan model perniagaan sama yang sudah dilaksanakannya hampir di seluruh kawasan Parlimen Bukit Gantang sejak tahun lalu.

“Apabila kos sara hidup meningkat, saya cari jalan iaitu apa boleh dibantu dan pada masa itu, kita pembangkang, tiada peruntukan. Jadi, apa dibuat adalah, saya memulakan dengan membeli ikan dari kapal dan berjaya menjualnya pada harga lebih murah daripada pasaran.

“Idea ini timbul semasa saya jadi Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Saya melihat peraih ambil harga 50 peratus lebih murah berbanding pasar biasa. Begitu juga hasil laut yang lain termasuk sotong, ketam dan hampir 25 jenis hasil laut, ikan kita jual secara terus kepada rakyat.

“Kaedahnya ialah kita beli dari sumber, bawa terus kepada pengguna, kita sudah mengurangkan rantaian bekalan.

Keduanya adalah kuantiti. Kita akan dapat harga lebih murah jika beli dengan kuantiti yang lebih banyak dan kena jual sampai habis, jadi tidak perlukan kos untuk penyimpanan,” katanya.

Menurutnya, kaedah tersebut dapat membantu menjimatkan perbelanjaan bulanan setiap keluarga hampir RM400 dan pada masa sama tidak membebaskan kerajaan untuk menanggung subsidi.

Ketika ditanya mengenai kewujudan ‘kartel’ yang mengawal harga barangan, Syed Abu Hussin tidak menafikannya.

Maka sebab itu beliau bertevas peranan penting perlu dimainkan untuk memperbaiki ekosistem rantaian pengedaran makanan dengan harga yang munasabah.

“Saya hendak harmonikan semula ekosistem, kalau kita biarkan kapitalis monopoli, maka ia akan menghancurkan negara. Sebaik mana pun Perdana Menteri yang kita ada, tetap tidak akan dapat kawal jika tidak memperbaiki ekosistem yang ada.

“Kalau rakyat tidak cukup makan, siapa susah? Yang ada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia (KPKM), tetapi seolah-olah tidak terjamin. Saya tidak salahkan menteri kerana mungkin mereka tiada pengalaman, maka sebab itu agak sukar untuk mereka bertindak,” ujarnya.



SYED ABU HUSSIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riang, 59100 Kuala Lumpur.

Isnin, 12 Februari 2024

Tambah baik dasar keterjaminan makanan tangani krisis bekalan

• Kerajaan harus mengkaji semula dasar keterjaminan makanan, mempertimbangkan peningkatan tanaman serta pengeluaran untuk produk bersasar mempunyai nilai purata penggunaan per kapita tinggi

• Sistem pelarasan tanaman dan pengaktifan tanah ladang dan memberi penekanan kepada pembinaan kapasiti untuk penyimpanan hasil tanaman dan ternakan juga perlu diwujudkan



Oleh Dr Adilah A Wahab
bhrencana@bh.com.my

Di sebalik penguatkuasaan dan kerjasama strategik giat dijalankan kerajaan dalam mempromosikan minyak kelapa sawit secara global, isu keterjaminan makanan berkait dengan bahan makanan utama rakyat Malaysia seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan hasil laut masih kurang diberi perhatian.

Isu kekurangan bekalan makanan seperti dilaporkan media massa baru-baru ini termasuk *BH* menunjukkan negara masih berdepan isu keterjaminan makanan. Kita perlu sedar isu keterjaminan makanan wujud apabila rakyat tidak mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan selamat serta berkhasiat mencukupi selain memenuhi keperluan diet untuk kehidupan aktif lagi sihat.

Kini didapati harga sayur-sayuran dan buah-buahan di pasaran meningkat antara 50 sen hingga RM4 sekilogram (kg). Penjual menyatakan kenaikan harga ini berikutan kekurangan pengeluaran sehingga tidak dapat menampung permintaan tinggi.

Jabatan Perangkaan menggunakan petunjuk kadar sara diri (SSR) untuk melihat keupayaan sesuatu pengeluaran bahan makanan bagi sesebuah negara mencukupi bagi memenuhi keperluan domestik.

Didapati trend penurunan SSR untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan mempunyai nilai penggunaan per kapita tinggi di Malaysia seperti limau nipis (2021:82.4 peratus, 2022:75.9 peratus), sawi (2021:97 peratus, 2022:95.9 peratus), pisang (2021:102.6 peratus, 2022:99.3 peratus), nanas (2021:104.3 peratus, 2022:102.5 peratus), betik (2021:146.9 peratus, 2022:142.3 peratus) dan tembikai (2021:139.5 peratus, 2022:131.9 peratus).

Bukan sahaja hasil tanaman menunjukkan penurunan SSR tetapi hasil ternakan dan hasil laut seperti daging lembu (2021:18.9 peratus, 2022:14.7 peratus), ikan tenggiri (2021:100.7 peratus, 2022:78.2 peratus) dan udang (2021:100.4 peratus, 2022:96.5 peratus) juga mempamerkan trend penurunan.

Apabila berlaku penurunan SSR, pengeluaran domestik tidak dapat menampung permintaan domestik dan ia mengakibatkan kenaikan harga di pasaran, seterusnya memberi impak kepada rakyat.

Walaupun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperkenalkan dua dasar iaitu Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agro-Makanan Negara 2021-2030, namun untuk tahun kedua (2022) pelak-

saan dua dasar, statistik menunjukkan ketidakstabilan SSR Malaysia.

Jika status SSR ini menunjukkan ketidakstabilan dalam jangka panjang ia akan memberi impak kepada permintaan domestik dan seterusnya menyebabkan rakyat kekurangan zat serta makanan.

Tambah baik dasar keterjaminan makanan

Justeru, terdapat tiga strategi penting boleh digunakan untuk menambah baik dasar keterjaminan negara, meningkatkan SSR dan seterusnya mengurangkan isu keterjaminan makanan Malaysia.

• Pertama adalah meningkatkan penanaman dan ternakan bersasar untuk produk tanaman, ternakan dan hasil laut mempunyai nilai purata penggunaan per kapita tinggi, seperti limau nipis, daging lembu dan ikan tenggiri.

“Apabila berlaku penurunan SSR, pengeluaran domestik tidak dapat menampung permintaan domestik dan ia mengakibatkan kenaikan harga di pasaran, seterusnya memberi impak kepada rakyat”

Dalam hal ini, MARDI menjalankan usaha yang baik meningkatkan tanaman bawang merah mempunyai nilai purata penggunaan 17kg setahun. Namun peningkatan tanaman dan ternakan produk bersasar lain seperti limau nipis, sawi, pisang dan nanas juga perlu dilakukan untuk menampung permintaan domestik.

• Kedua, sistem pelarasan tanaman dan pengaktifan tanah ladang perlu dilakukan. Dengan wujudnya sistem ini, petani akan lebih fokus dan teratur menyusun tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran untuk setiap musim. Maka, tanah hasilan petani tidak akan terbiar untuk musim tertentu dan sentiasa aktif dalam penanaman.

Taiwan menjalankan sistem ini, dipanggil *Adjusting the Cropping System and Revitalizing Farmland*. Petani mereka diwajibkan memenuhkan tanaman untuk satu tahun musim penanaman dan mereka hanya dibenarkan mengosongkan tanah tanaman mereka selama satu musim tanaman untuk

tempoh setahun.

Dengan wujudnya sistem ini pada 2011, Taiwan mendapati pengurangan sebanyak 41 peratus untuk tanah terbiar tanpa tanaman pada 2015.

• Ketiga adalah memberi penekanan kepada pembinaan kapasiti untuk penyimpanan hasil tanaman dan ternakan supaya ia dapat menampung permintaan domestik. Pelan pembinaan China dan Taiwan, bijirin telahpun dilaksanakan pada sasaran ped-

China mengguna pakai konsep 'menyembunyikan bijirin dalam tanah dan menyembunyikan dalam teknologi'. Yakni, mereka menekankan ke dalam teknologi. Dengan itu tiada permasalahan pengeluaran bijirin. Dengan itu tiada permasalahan dari segi penyimpanan hasil musim banjir.

Taiwan mengguna pakai silo bersuhu rendah untuk menyimpan bijirin menunjukkan peningkatan simpanan bijirin sebanyak 7.8 peratus setahun.

Kesimpulannya, untuk menangani isu keterjaminan makanan di Malaysia, kerajaan harus mengkaji semula dasar keterjaminan makanan tanaman serta mempertimbangkan peningkatan tanaman mempunyai nilai pengeluaran untuk produk bersasar mempunyai nilai purata penggunaan per kapita tinggi, mewujudkan sistem pelarasan tanaman dan pengaktifan tanah ladang dan memberi penekanan kepada pembinaan kapasiti untuk penyimpanan hasil tanaman dan ternakan.

Sebagai tambahan kepada tiga strategi utama, penting untuk melihat faktor pertumbuhan populasi rakyat Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan, jumlah penduduk Malaysia pada 2023 ialah 33.4 juta, jika dibandingkan dengan 2022 ialah 32.7 juta.

Kajian menunjukkan pertumbuhan populasi memberikan impak kepada keterjaminan makanan Malaysia. Salah satu faktor menyebabkan pertumbuhan populasi rakyat Malaysia adalah disebabkan peningkatan bilangan bukan warganegara sebanyak 20 peratus pada 2023, berbanding tahun sebelumnya.

Maka, dalam menangani isu keterjaminan makanan, menyekat pertumbuhan populasi adalah satu langkah tidak wajar, tetapi rakyat perlu mengubah cara penghasilan dan pengambilan makanan. Diet berasaskan tumbuhan dapat mewujudkan populasi lebih sihat dan membantu menangani perubahan iklim serta persekitaran.

Oleh itu, kerajaan juga perlu mengambil kira aspek pertumbuhan populasi akan meningkatkan permintaan domestik. Justeru, peningkatan SSR adalah penting bagi mencapai permintaan domestik dan seterusnya menangani isu keterjaminan makanan Malaysia. Kerajaan dan institusi berkaitan perlu berganding bahu menyelesaikan isu ini.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH